

## Apakah Risiko/Komplikasi yang Mungkin Dengan Ujian Ini?

Secara keseluruhannya, ini merupakan ujian yang selamat. Namun begitu, ia boleh menyebabkan perkara berikut berlaku:

- Ia boleh menyebabkan anda pengsan dan bukannya hanya rasa pengsan. Jika anda pengsan, kami akan membaringkan anda dan badan anda akan pulih daripada pengsan. Kadang-kadang, kami akan membekalkan cecair melalui urat darah untuk mempercepat pemulihan. Kadang-kadang, ubat akan diberikan untuk membuat anda pulih dengan lebih cepat.
- Pengsan biasanya dikaitkan dengan loya dan muntah. Oleh itu, anda dikehendaki berpuasa/berlapar untuk sekurang-kurangnya 6 jam sebelum ujian.
- Isoprenalin boleh menyebabkan masalah yang berkaitan dengan irama jantung yang cepat, tetapi masalah yang serius jarang berlaku. Seorang doktor akan bersedia untuk merawat masalah-masalah tersebut jika ia timbul. Masalah serius seperti serangan jantung atau strok sangat jarang berlaku.<sup>4</sup>

## Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Keputusan ujian meja condong dan langkah rawatan anda yang seterusnya rawatan akan dibincangkan bersama doktor anda pada temu janji klinik yang berikutnya.

### TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

### TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

### NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan  
**KARDIOLOGI**

## Ujian Meja Condong



## Apakah Ujian Meja Condong?

Ujian meja condong merupakan ujian untuk menyiasat sebab-sebab seseorang pengsan. Pengsan, yang juga dikenali sebagai sinkope vasovagus atau sinkope neurokardiogenik, berlaku apabila sesuatu mencetuskan tindak balas berlebihan daripada sistem kawalan badan.

Ini menyebabkan tekanan darah yang sangat rendah dan kadar degupan jantung yang perlahan (jarang berlaku). Ini membuatkan seseorang berasa lemah malah pengsan. Selepas pengsan, badan seseorang dapat membetulkan dirinya tanpa rawatan pada kedudukan berbaring.

Terdapat tiga komponen untuk ujian ini, iaitu ujian tekanan darah postural, ujian urut sinus karotid dan ujian meja condong.

Ujian meja condong direka untuk mencetuskan pengsan supaya kita dapat mengesahkan diagnosis dan memerhatikan apa yang sebenarnya berlaku.

## Pengsan

Pengsan adalah tidak berbahaya, tetapi ia merupakan gangguan dan mungkin berbahaya jika ia berlaku dalam keadaan berbahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan.

## Apakah Tujuan Ujian ini?

Ujian ini digunakan untuk mengenal pasti kecenderungan anda terhadap pengsan mudah, faktor yang mencetuskan masalah tersebut dan sebab utama pengsan. Ia mungkin disebabkan oleh tekanan darah rendah, kadar degupan jantung perlahan, atau kedua-duanya.

## Apakah yang Perlu Saya Jangkakan?

Ujian ini dijalankan di Makmal Jantung Bukan Invasif. Anda tidak perlu bermalam di hospital untuk ujian ini.

Ia mengambil masa kira-kira satu jam setengah untuk menyediakan dan menjalankan ujian. Kadar degupan jantung, tekanan darah dan elektrokardiogram (ECG) anda akan dipantau oleh juruteknik dan doktor penyelia anda sepanjang tempoh ujian. Tiub plastik kecil atau kanula akan dimasukkan ke dalam urat darah di lengan atau tangan anda untuk mengendalikan ubat untuk ujian.

Terlebih dahulu, anda akan menjalani ujian tekanan darah postural dan kemudiannya ujian urut sinus karotid.

### Ujian Tekanan Darah Postural

Anda akan diminta untuk bangkit dengan cepat dari kedudukan berbaring kepada kedudukan berdiri.

Tekanan darah anda akan direkodkan sebelum dan selepas bangun untuk menilai sebarang penurunan tekanan yang ketara.

### Ujian Urut Sinus Karotid

Sinus karotid terletak di bahagian atas leher. Ia mengandungi sensor tekanan yang peka. Mengurut sinus karotid akan memperlambatkan degupan jantung dengan ketara. Ini boleh mencetuskan pengsan.

Urutan sinus karotid dijalankan di satu sisi pada satu masa, bermula dengan kedudukan berbaring rata dan kemudiannya atas katil yang condong pada sudut 70 darjah. Sekiranya semuanya baik selepas dua ujian di atas, anda akan meneruskan ke ujian meja condong.



## Ujian Meja Condong

Anda akan diminta untuk berbaring di atas sofa yang akan dicondongkan pada sudut 60 darjah selama setengah jam. Sekiranya semuanya baik selepas setengah jam, ubat yang dinamakan isoprenalin akan diberikan secara suntikan berterusan melalui urat darah. Anda akan merasakan jantung anda berdegup dengan lebih kuat dan lebih cepat apabila isoprenalin diberikan. Ini adalah biasa kerana ubat ini merupakan mimik adrenalin dan kesan tekanan dan senaman terhadap kadar degupan jantung. Dos isoprenalin meningkat setiap 5 minit. Selepas 15 minit, ujian akan berakhir. Pemberian ubat akan dihentikan dan kesannya akan hilang/renda dalam masa beberapa minit.

Sekiranya ujian mencetuskan kejadian pengsan, anda mungkin berasa hendak pengsan. Dalam kes yang lebih teruk, anda mungkin akan pengsan sepenuhnya, atau berasa mual. Biasanya, jika terdapat tanda-tanda jelas bahawa anda akan pengsan, kami akan meratakan katil agar anda berbaring rata. Berbaring rata biasanya boleh menghilangkan kejadian pengsan kerana badan anda akan dapat membetulkan pengsan. Jika perlu, ubat tersedia ada untuk membantu anda pulih daripada pengsan.

## Penyediaan untuk Ujian Meja Condong

1. Pakai baju dan seluar yang boleh dipisahkan untuk memudahkan ujian.
2. Jika ada, anda boleh mengambil ubat harian anda seperti biasa sebelum ujian, melainkan jika doktor anda mengarahkan yang sebaliknya.
3. Jangan makan dan minum sekurang-kurangnya 6 jam sebelum ujian.
4. Sila beritahu doktor atau juruteknik anda jika anda mempunyai rekod perubatan strok atau masalah dengan arteri di sekeliling leher.